

Jangan Menjadi Mangsa Peminjam Wang Tidak Berlesen

Dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan wang dengan cepat, ramai yang sanggup mendapatkan pinjaman daripada *loan shark* atau di rantau ini lebih dikenali sebagai Ah Long.

Kenapa Meminjam Daripada Ah Long

Ah Long adalah satu sumber pinjaman menggunakan praktis-praktis atau tawaran-tawaran yang memperdaya orang ramai untuk mempercayai bahawa mereka mendapat tawaran yang baik.

Praktis ini termasuklah meminjamkan sejumlah wang yang sedikit untuk jangka masa yang pendek dan peminjam boleh mendapatkan wang tunai tersebut dengan serta merta. Ini adalah menarik bagi mereka yang kekurangan wang disebabkan oleh pengurusan kewangan yang lemah atau dibebani hutang, yang sangat memerlukan wang untuk keperluan segera.

Proses penapisan serta terma dan syarat pinjaman yang ditetapkan oleh Ah Long juga tidak seketat jika dibandingkan dengan institusi kewangan yang berlesen. Mereka selalu mengiklankan tawaran melalui media sosial dengan janji seperti “kebenaran serta merta” atau “pinjaman murah”. Mereka yang gagal mendapat kemudahan pinjaman dari institusi kewangan berlesen disebabkan oleh kedudukan kredit kewangan yang tidak kukuh mungkin tertarik untuk meminjam dari peminjam wang yang tidak berlesen ini tanpa berfikir dua kali.

Walau bagaimanapun mereka tidak sedar bahawa pilihan ini adalah hanya penyelesaian sementara dan boleh membawa padah di kemudian hari, seperti bak kata peribahasa Melayu “Sudah terhantuk baru tengadah”.

Bahaya Ah Long

Seperti peminjam wang tidak berlesen, kegiatan Ah Long adalah tidak berlesen dan tidak dikawalselia. Oleh itu, mereka dengan sesuka hati boleh mengenakan kadar faedah, jadual pembayaran atau syarat-syarat tanpa mempertimbangkan hal ehwal kebijakan peminjam.

Walaupun jumlah wang yang mereka pinjamkan adalah sedikit dan bagi tempoh yang pendek, kadar faedah yang dikenakan adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kadar yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen.

Ah Long juga mengenakan kadar faedah yang berganda (*compounding interest*) kepada peminjam yang gagal membuat pembayaran. Kadar faedah yang berganda ini akan dicampurkan kepada jumlah pinjaman pokok asal, dan boleh mewujudkan kitaran hutang yang menyebabkan kegagalan pembayaran yang berlanjutan dan meningkatkan lagi jumlah pinjaman. Peminjam akhirnya akan terperangkap tanpa ada jalan keluar.

Sebahagian peminjam juga diberikan pinjaman wang tanpa adanya kontrak bertulis. Dalam keadaan ini, Ah Long boleh menukar syarat-syarat pinjaman dengan sesuka hati mengikut kehendak mereka dan kadang-kadang tanpa memberitahu terlebih awal kepada peminjam.

Ah Long mendapat gelaran sedemikian kerana taktik kasar dan ganas yang mereka gunakan untuk menagih hutang. Taktik tersebut termasuklah mengganggu, peras ugut, ancaman dan tindakan ganas, semasa peminjam gagal membayar tepat pada masanya atau ketika ditagih. Oleh itu, walaupun tawaran Ah Long nampak menarik, melibatkan diri dengan Ah Long mempunyai risiko yang sangat tinggi.

Cara Untuk Mengelakkan Diri Menjadi Mangsa Ah Long

Di bawah adalah empat cara mudah untuk mengukuhkan kewangan abiskita dan menghindarkan diri dari terlibat dengan Ah Long.

1. Sediakan satu tabung kecemasan

Hidup kita tidak dapat diramalkan. Oleh itu, ianya adalah penting untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan bulanan awda untuk kegunaan kecemasan, terutama jika menghadapi perkara-perkara yang tidak dijangkakan seperti kemalangan atau kehilangan kerja. Tertakluk kepada gaya hidup seseorang, jumlah simpanan tabung kecemasan yang bersesuaian adalah pada kelazimannya di dalam lingkungan 3 hingga 24 bulan perbelanjaan. Jumlah ini pada lazimnya adalah lebih tinggi, terutamanya jika awda adalah pencari nafkah bagi keluarga awda. Oleh itu, awda perlu bertanyakan diri sendiri soalan penting ini: "Berapa jumlah yang saya dan keluarga saya perlu untuk bertahan?"

2. Teliti dan rancang perbelanjaan

Tanyakan diri awda, apakah tujuan sebenar awda memerlukan wang tunai dengan cepat? Adakah ianya bagi 'keperluan' atau sekadar 'kemahuan'? Sebahagian orang mengatakan bahawa sebuah kereta adalah satu keperluan. Walau bagaimanapun, perlukah kita membeli sebuah kereta mewah atau adakah sebuah kereta biasa yang boleh diharap sudah memadai? Adalah penting bagi awda untuk meneliti perbelanjaan awda dan memastikan ianya adalah berdasarkan kepada kemampuan. Telitilah perbelanjaan awda mengikut keutamaan, selesaikanlah dulu hutang awda dan belilah barang keperluan rumah sebelum berbelanja bagi perkara yang lain.

3. Mengelakkan laporan kredit yang baik

Institusi kewangan mempunyai akses kepada Laporan Kredit Individu melalui Biro Kredit. Laporan ini digunakan oleh institusi kewangan untuk menilai kedudukan kredit individu tersebut. Untuk mempunyai laporan kredit yang baik, bayar pinjaman awda tepat pada masanya. Ini akan meningkatkan kemungkinan awda untuk diberikan kemudahan pinjaman oleh institusi kewangan di masa hadapan.

4. Buat Perundingan dengan bank abiskita

Jika awda menghadapi masalah kewangan, berundinglah dengan bank abiskita untuk membuat pengaturan bagi membantu meringankan bayaran pinjaman

awda. Pihak Bank bersedia untuk mendengar masalah pelanggannya dan berkemungkinan boleh mempertimbangkan permohonan abiskita secara kes ke kes.

Kesimpulan

Walaupun meminjam wang daripada peminjam wang tidak berlesen, khususnya Ah Long, kelihatan memberikan penyelesaian yang cepat dan mudah, adalah perlu diingatkan bahawa sebenarnya ianya adalah lebih mahal dan merbahaya. Pihak Berkuasa mungkin sukar untuk melindungi abiskita apabila awda sudah jauh terjebak di dalam masalah tersebut. Mana-mana individu yang sudah terjebak atau mengetahui tentang operasi Ah Long di negara ini perlulah membuat aduan ke Pihak Berkuasa yang berkenaan bagi memastikan aktiviti haram ini dibentras dan tidak berleluasa.

Manfaatkanlah empat cara yang disenaraikan di atas. Menjadi individu yang bertanggungjawab terhadap kewangan sendiri dengan membuat pengurusan kewangan yang bijak, akan menghindari awda daripada mengalami masalah kewangan dan terjebak menjadi mangsa Ah Long.